Ia termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding RM2.98 juta mengikut harga pasaran, selain alat pengangkat kereta dua tan berharga RM5,741 seunit berbanding harga pasaran hanya RM50 seunit.

Turut didedahkan ialah tindakan ketua setiausaha (KSU) Kementerian Belia dan Sukan menandatangani 11 kontrak bernilai antara RM7.99 juta hingga RM74.2 juta berkaitan projek IKBN bagi pihak kerajaan, tetapi tiada surat penurunan kuasa menteri dikemukakan ketika pengauditan dijalankan.

Nazri bagaimanapun menjelaskan bukan semua menteri yang terbabit dalam laporan itu akan disoal siasat BPR.

"BPR lebih tahu siapa yang perlu disoal siasat. Perdana Menteri sudah mengarahkan semua menteri ambil berat apa yang ditegur, itu yang Perdana Menteri maksudkan, bukannya menteri bertanggungjawab akan disoal siasat atas tuduhan rasuah dan Perdana Menteri minta ambil tindakan," katanya.

Beliau berkata, BPR sudah menjalankan siasatan dan ia boleh dilakukan tanpa memaklukkannya kepada menteri terbabit.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang mewujudkan pusat pemerolehan bagi mengelak salah urus dana awam, Nazri berkata, penubuhan pusat itu akan mewujudkan lebih banyak kerehah birokrasi.

Mengenai pertandingan pidato anjuran BPR, beliau mencadangkan supaya ia turut diadakan dalam bahasa Mandarin dan Tamil serta beberapa dialek lain termasuk bahasa Iban dan Kadazan.

Beliau berkata, cadangan itu perlu dilaksanakan bagi memastikan mesej berhubung kesalahan rasuah dapat disampaikan kepada semua peringkat masyarakat, terutama mereka yang belum menguasai sepenuhnya bahasa Malaysia dan Inggeris.

Pertandingan bagi kategori Bahasa Malaysia itu dimenangi Muhammad Azli Md Ali dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Kukup, Pontian, Johor, manakala pelajar SMK Agama Sheikh Abdul Malek, Terengganu, Nurul Ain Mat Rahim mendapat tempat kedua dan Fahmi Khawarizmi Mahmud dari Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Selangor (ketiga).

Kategori bahasa Inggeris pula dimenangi Harish Nair dari SMK St John, Kuala Lumpur, diikuti S Chulan dari SMK Penang Free School, Pulau Pinang selaku Naib Johan dan tempat ketiga, R Sharmannand dari SMK Seri Pagi Senawang, Negeri Sembilan.

Johan kedua-dua kategori membawa pulang piala pusingan dan piala iringan, wang tunai RM1,000 serta sijil penyertaan; naib johan RM750, piala iringan dan sijil penyertaan manakala tempat ketiga RM500, piala iringan serta sijil penyertaan.

Tajuk Artikel : Mais arah surau solat dua imam ditutup

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail

Penduduk Seksyen 8 Shah Alam ingkar kata dua Jais

SHAH ALAM: Majlis Agama Islam Selangor (Mais) mengarahkan Surau Ar-Rahman di Seksyen 8 di sini ditutup sementara berkuat kuasa petang kelmarin selepas penduduk di situ ingkar arahan dan masih menganjurkan solat dua imam.

Mais mengeluarkan arahan itu pada 15 Ogos lalu tetapi hanya dikuatkuasa petang kelmarin selepas hampir sebulan memberi peluang kepada penduduk di situ menyelesaikan perselisihan faham berhubung pelantikan ahli jawatan kuasa baru surau itu yang dilantik Jabatan Agama Islam Selangor (Jais). Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Belia dan Mesra Rakyat, Datuk Abdul Rahman Palil, berkata selepas hampir sebulan, jemaah di situ masih gagal menyelesaikan masalah mereka.

Sehubungan itu, katanya, mesyuarat Mais kelmarin memutuskan supaya surau Seksyen 8 ditutup sehingga keadaan kembali pulih untuk mengelak perpecahan lebih teruk di kalangan umat Islam.

“Surau ini hanya akan dibuka selepas jemaah di situ menyelesaikan perbezaan pendapat dan tidak lagi menganjurkan solat dua imam,” katanya ketika ditemui pada majlis penutupan Bicara Isu Semasa 2/2007 anjuran Jais di sini, semalam.

Abdul Rahman berkata, masalah itu berlaku apabila jemaah termasuk pensyarah pusat pengajian tinggi yang juga dipercayai penyokong pembangkang tidak setuju dengan pelantikan imam yang dilakukan Jais. Di Selangor, imam dan guru agama perlu mendapat tauliah dari Jais sebelum dibenarkan menjadi imam atau memberi kuliah agama di surau atau masjid untuk mengelak disalah guna pihak tertentu demi kepentingan politik dan peribadi.

Sebelum ini, Jais mengeluarkan notis dengan memberi kata dua kepada jemaah surau itu sama ada menyelesaikan perselisihan pendapat dan menghentikan solat dua imam atau surau itu ditutup terus dan dijadikan pusat pembelajaran Fardu Ain untuk kanak-kanak.

Difahamkan, jemaah di situ bersetuju untuk berkompromi dan menghentikan solat dua imam selepas campur tangan wakil Sultan Selangor, Datuk Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Petaling, Datuk Abu Bakar Abdul Hamid.

Abdul Rahman berkata, walaupun setuju berkompromi, jemaah di situ masih juga meneruskan solat dua imam dan perbuatan itu mengingkari perintah Jais dan menyebabkan Mais campur tangan.

"Penduduk tetap mengadakan solat kedua selepas selesai solat pertama yang diimamkan imam yang dilantik Jais. Jumlah yang datang solat kedua ini pula lebih ramai berbanding solat pertama.

"Perbuatan ini seolah-olah tidak menghormati dan mengingkari arahan dibuat Jais dan wakil Sultan Selangor yang sanggup datang mengadakan perjumpaan dengan mereka," katanya.

Dalam perkembangan lain, Abdul Rahman mengingatkan peniaga Islam di negeri itu supaya memulakan perniagaan hanya selepas jam 2 petang sepanjang Ramadan ini dan mereka boleh dikenakan tindakan jika didapati menjual makanan kepada orang Islam yang tidak berpuasa.

Orang Islam yang tidak berpuasa (kecuali sebab tertentu) termasuk peniaga Islam yang menjual makanan kepada orang Islam tidak berpuasa boleh dikenakan denda sehingga RM2,000, penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya mengikut Seksyen 19 Enakmen Jenayah Syariah Selangor.

Tajuk Artikel : Polis buru 207 syarikat bas ada saman RM15j

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

Oleh Nurhayati Abllah dan Yahya Awang

KUALA LUMPUR: Polis Trafik semalam melancarkan gerakan besar-besaran melalui 'Ops Tindakan Saman-Bas' untuk menyerahkan saman dan mengesan 207 syarikat bas ekspres yang mempunyai saman tertunggak dianggarkan RM15 juta sejak 1999. Antara syarikat yang diserahkan saman pada hari pertama ops itu ialah Syarikat Bas Bukit Gantang Berhad, yang basnya terbabit dengan kemalangan maut mengorbankan 22 penumpangnya di Kilometer 229.1 Lebuhraya Utara-Selatan berhampiran kawasan Rawat dan Rehat (R&R) Bukit Gantang, Perak, 13 Ogos lalu.

Polis menyerahkan 100 saman trafik kepada syarikat itu yang memiliki 34 bas kerana melakukan pelbagai kesalahan sejak 2005 hingga semalam di pejabatnya di Taiping.

Dalam pada itu, cubaan untuk menyerahkan 70 notis saman POL 257 kepada sebuah lagi syarikat bas ekspres di Jalan Chow Kit di sini, gagal berikutan syarikat berkenaan sudah diambil alih oleh pihak lain, manakala pengarahnya sebelum ini gagal dikesan.

Polis kini berusaha membuat semakan semula bagi mengesan pengarah syarikat terbabit untuk diserahkan saman berkenaan.

Sementara itu, Timbalan Ketua Trafik Pasukan Bukit Aman, Asisten Komisioner OK Jalil Othman, berkata 'Ops Tindakan Saman-Bas' akan diadakan selama dua minggu bermula semalam dan dibuat serentak di seluruh negara.

"Operasi itu dilancarkan bagi mengeluarkan saman kepada 207 syarikat bas yang gagal mematuhi atau mengabaikan notis POL 170A yang sudah diedarkan bermula 1999 sehingga sekarang.

"Mengikut Seksyen 115 (1)(a) Akta Pengangkutan Jalan 1987, pemilik syarikat bas perlu mengemukakan maklumat pemandu yang melakukan kesalahan kepada polis dalam tempoh tujuh hari selepas menerima saman.

"Kegagalan mematuhi peruntukan itu boleh menyebabkan pemilik syarikat perlu bertanggungjawab di atas kesalahan yang dilakukan pemandu. Selain pengarah, turut bertanggungjawab ialah pengurus besar, pengurus, setiausaha dan pegawai kanan syarikat," katanya pada sidang media melancarkan operasi itu di sini, semalam.

Sebelum ini, polis trafik memberi tempoh dua minggu (27 Ogos hingga 10 September 2007) kepada 293 syarikat bas untuk menyelesaikan saman tertunggak berjumlah RM20 juta.

Operasi itu dijalankan berikutan meningkatnya kemalangan membabitkan bas ekspres sejak kebelakangan ini.

Mengikut statistik cawangan Trafik Bukit Aman, 293 syarikat bas itu menerima 114,339 saman sejak 1999 dan 69,840 daripada saman berkenaan belum dijelaskan. Kebanyakan saman itu membabitkan kesalahan memandu laju.

Tajuk Artikel : 500,000 hektar tadahan hujan diwartakan

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

LEBIH 500,000 hektar kawasan tadahan hujan sudah diwartakan negeri termasuk di Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan daripada 800,000 hektar yang diperlukan bagi memastikan bekalan air bersih berterusan untuk rakyat Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Sazmi Miah, berkata sasaran ditetapkan Majlis Perhutanan Negara gagal dicapai kerana ada negeri termasuk Kelantan yang bersetuju mewartakan 42,000 hektar kawasan tadahan air, masih tidak berbuat demikian hingga kini.

"Jadi, saya berharap kerajaan negeri yang belum mewartakan kawasan tadahan air terutama Kelantan untuk segera mewartakan kawasan berkenaan supaya rakyat mendapat air bersih," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Hasan Malek (BN-Kuala Pilah) mengenai maklum balas kerajaan negeri untuk mewartakan kawasan tadahan air, semalam.

Sazmi berkata, Majlis Perhutanan Negara pada mesyuarat ke-19 menetapkan supaya kerajaan negeri mewartakan kawasan yang difikirkan perlu sebagai kawasan tadahan air, bagi memastikan kawasan itu tidak diganggu atau dibangunkan.

Menjawab soalan asal Hassan, beliau berkata, kementerian sudah mengambil pelbagai langkah bagi memastikan sungai yang menjadi sumber air utama tidak tercemar melalui dua pendekatan iaitu pencegahan dan pemulihan.

Dari aspek pencegahan, Sazmi berkata, antara tindakan diambil termasuk pemantauan jabatan dan agensi berkaitan, program memperkasakan Ahli Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) mengenai kesedaran alam sekitar dan pemulihan sungai membabitkan RM9.09 juta di 222 kawasan Parlimen dan 576 DUN.

Dalam aspek pemulihan, antara program dijalankan adalah pembinaan perangkap sampah dan kelodak, mengadakan kawalan kumbahan dan sisa pepejal, pemuliharaan sungai serta program 'Satu Negeri Satu Sungai'.

Tajuk Artikel : Selangor ditegur tidak bertindak ke atas pemaju

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

Oleh Azman Zakaria, Norfatimah Ahmad, Amirullah Andi Nur, Rohaniza Idris, Amin Ridzuan Ishak dan Khairunnisa Kamarudin

KUALA LUMPUR: Laporan Ketua Audit Negara 2006 menegur kerajaan Selangor berhubung projek penswastaan pembangunan penempatan kawasan Orang Asli di Kampung Air Kuning, Bukit Cerakah kerana gagal mematuhi syarat perjanjian.

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata projek yang sepatutnya siap Mac 2007 masih gagal disiapkan sepenuhnya, tetapi pemaju terbabit, Syarikat Ecoasli Development Sdn Bhd tidak dikenakan penalti pada kadar lapan peratus setahun seperti dipersetujui.

Beliau berkata, pemaju hanya menyerahkan RM9.63 juta pampasan kepada Orang Asli hingga Disember 2006 berbanding RM39.54 juta yang dipersetujui.

Katanya, baki RM29.95 juta masih belum dijelaskan pemaju membabitkan bayaran tunai RM1.76 juta, rumah serta bangunan (RM13.79 juta), rumah dan bangunan kepada kerajaan Selangor (RM14.4 juta).

"Sebaliknya pemaju membina rumah untuk dijual kepada orang awam. Semakan Audit mendapati kualiti pembinaan dan pematuhan spesifikasi kontrak tidak memuaskan menyebabkan pihaknya meragui keupayaan pemaju menyiapkan projek itu," katanya.

Pada 2005, projek berkenaan pernah menjadi isu nasional apabila ia tidak mematuhi Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) hingga mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Selain itu, Ambrin berkata, kerajaan Selangor menanggung tunggakan hasil mencecah RM802.78 juta tahun lalu yang sejumlah besar milik syarikat yang tidak dapat dikesan, proses pembersihan data yang belum selesai dan surat peringatan kepada pemilik tanah tidak berkesan.

Beliau berkata, tunggakan daripada 134 pemungut itu mencatatkan peningkatan RM224.19 juta atau 38.7 peratus, berbanding RM578.59 juta pada 2005.

"Jumlah tunggakan cukai tanah mencecah RM778.21 juta iaitu peningkatan 45.3 peratus atau RM242.47 juta sepanjang tahun lalu berbanding RM535.74 juta pada 2005.

"Pejabat Daerah dan Tanah Petaling mencatatkan tunggakan tertinggi cukai tanah iaitu RM334.8 juta dengan peningkatan RM182.8 juta atau 120.3 peratus, diikuti Klang (RM24.16 juta), Hulu Selangor (RM21.14 juta) dan Gombak (RM10.67 juta)," katanya.

Ambrin berkata, semakan terhadap Akaun Penyelesaian Cek Terbatal Selangor mendapati cek belum dituntut pada 2003 berjumlah RM17.67 juta termasuk cek pelarasan bernilai RM12.53 juta, manakala hingga Disember 2006, 804 cek luput RM102.46 juta belum diselaraskan termasuk sekeping cek pelarasan berjumlah RM91.55 juta yang dikeluarkan pada 2004.

Tajuk Artikel : 'Siasat terperinci beli peralatan IKBN'

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

Oleh Abdul Razak Raaff

Hishammuddin mahu pihak berkuasa ambil tindakan

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Hishammuddin Hussein menggesa pihak berkuasa melakukan siasatan secara menyeluruh bagi mencari keadilan berhubung pembelian beberapa peralatan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) yang terlalu tinggi berbanding harga pasaran.

Hishammuddin yang juga Menteri Pelajaran, menegaskan beliau tidak mempunyai apa-apa yang hendak disorokkan.

"Nasihat saya tidak kira bila, kita secara bersama bertanggungjawab di bawah satu kerajaan. Pihak berkuasa harus menyasat...siapa yang bersalah tetap bersalah.

"Jika ada kesalahan, ambil tindakan terhadap pihak yang bersalah termasuk jika ia membabitkan saya," katanya dalam jawapan ringkas menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) semalam.

Beliau yang memegang jawatan Menteri Belia dan Sukan pada 2002, ketika ini berada di Arab Saudi bersama pegawai kementerian dalam usaha mengenai pasti program pengembangan minda kanak-kanak pintar yang dilaksanakan Kementerian Pelajaran Arab Saudi.

Hishammuddin diminta mengulas kenyataan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said kelmarin bahawa pembelian peralatan dan kelengkapan di IKBN yang ditegur dalam Laporan Ketua Audit Negara berlaku pada 2002. Ketika itu, Azalina belum dilantik untuk menerajui kementerian berkenaan.

Azalina berkata, Ketua Setiausaha kementerian memberitahunya kontrak itu dianugerahkan pada 2002 menerusi Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan ketika itu banyak rundingan terus dikeluarkan dan dalam kes berkenaan membabitkan Perunding Pengurusan Projek (PMC).

Azalina yang dilantik Menteri Belia dan Sukan selepas pilihan raya umum 2003 berkata, kementeriannya sudah membuat penjelasan kepada Pejabat Peguam Negara berhubung isu terbabit.

Laporan Ketua Audit Negara 2006 mendedahkan pembelian 13 peralatan dan kelengkapan bagi IKBN dengan harga semua barang itu dilaporkan melebihi harga pasaran hingga kerajaan menanggung kerugian RM8.39 juta.

Ini termasuk pembelian dua menara kren membabitkan perbelanjaan RM5.72 juta berbanding harga

pasaran RM2.98 juta, alat pengangkat kereta dua tan berharga RM5,741 seunit berbanding harga pasaran hanya RM50.

Kementerian Belia dan Sukan juga didapati membeli 17 set buku teknikal dengan 10 tajuk pada harga RM181,900 atau RM10,700 setiap set sedangkan harganya di Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cuma RM417 satu set.

Tajuk Artikel : Subsidi diesel tak dimansuh

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad dan Hanneeyzah Baharin



TINJAU HARGA: Mohd Shafie diiringi Pengarah Wilayah Asia Timur Giant, Datuk John Coyle (kanan) dan Pengurus Kategori Giant, Anis Sharmin Mohd Sharif meninjau harga barang basah selepas merasmikan pasar raya Giant Kinrara, semalam.

KUALA LUMPUR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan meneruskan pemberian subsidi diesel kepada nelayan dan industri berikutan sektor terbabit masih memerlukan bantuan kerajaan bagi meneruskan operasi.

Menterinya, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata walaupun menyedari langkah memansuhkan subsidi diesel dapat membantu menangani aktiviti penyeludupan diesel, pihaknya prihatin masalah bakal dihadapi sektor terbabit, khususnya nelayan yang bakal terjejas.

Pendirian kita setakat ini ialah kita masih mahu bekalkan (diesel subsidi). Tak bolehlah apabila berlaku masalah penyeludupan, kita mahu hentikan terus subsidi diesel kerana kita sedar masalah nelayan yang memerlukan bantuan ini.

"Bagaimanapun, kita ambil cadangan itu secara baik dan akan kaji sama ada ia patut dilaksanakan serta kemungkinan mewujudkan mekanisma lebih sesuai bagi membantu mereka," katanya pada sidang media

selepas merasmikan pembukaan pasar raya besar Giant di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan Berita Harian kelmarin mengenai pandangan ahli ekonomi yang mengesyorkan kerajaan memansuhkan subsidi diesel dalam usaha menangani kes penyelewengan dan penyeludupan bahan api itu hingga menyebabkan kerajaan mengalami kerugian besar.

Ahli Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Datuk Prof Dr Ismail Salleh, berkata perbezaan ketara harga bahan api itu berbanding negara lain, terutama berikutan subsidi yang diberi kepada sektor tertentu, menyebabkan kegiatan penyelewengan dan penyeludupan diesel semakin berleluasa.

Shafie bagaimanapun berkata, untuk jangka masa terdekat kementerianya bercadang menubuhkan satu unit penguat kuasa khas bagi membantu pihak berkuasa lain memantau dan membanteras aktiviti penyeludupan diesel, selain meningkatkan penguatkuasaan sedia ada.

"Setakat ini, kita nampak kejayaan penguatkuasaan yang dibuat dan penggunaan teknologi nanotag yang kita perkenalkan.

"Sebagai contoh, kita berjaya mematahkan sindiket menyeludup keluar 275,000 liter diesel subsidi bernilai RM500,000 dan sebuah lagi kapal yang cuba menyeludup 487,000 liter diesel ke Myanmar melalui Dermaga Prai di Pulau Pinang, baru-baru ini," katanya.

Di **KOTA BHARU**, Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Adam Abdul Hamid, berkata tindakan memansuhkan subsidi diesel akan menjejaskan pendapatan nelayan, khususnya nelayan kecil selain memberi kesan besar kepada sumber ikan negara.

"Jika dilaksanakan, nelayan tidak dapat turun ke laut dan negara akan mengalami masalah dengan sumber ikan yang bakal menyaksikan bekalan terpaksa dibawa masuk dari negara luar, sekali gus memberi kesan kepada ekonomi negara.

"Oleh itu, LKIM berharap kerajaan menimbangakan pemansuhan itu, tapi memperketatkan lagi kaedah pemberian subsidi diesel. Lagipun, bukan semua nelayan terbabit dalam penyelewengan subsidi diesel sebaliknya hanya segelintir dikesan berbuat demikian," katanya.

"LKIM akan bertindak menyenaraihitamkan pihak yang terbabit dengan kegiatan itu yang bakal menyaksikan mereka tidak dibenarkan lagi membeli diesel dengan harga subsidi," katanya.

Tajuk Artikel : Pm akan umum keputusan tuntutan bonus

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

Oleh Amirullah Andi Nur dan Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR: Keputusan berhubung tuntutan Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) untuk bonus atau sagu hati sebanyak RM2,000 akan diputuskan Perdana Menteri dalam tempoh terdekat.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, bagaimanapun berkata beliau tidak mempunyai maklumat bila keputusan itu akan dibuat oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Menteri Kewangan.

"Itu saya tak tahu. Perdana Menteri pun dah balik (daripada Sydney)," katanya selepas merasmikan Seminar Persatuan Penerbit Penerbit Akhbar Malaysia (MNPA) 2007 di Kuala Lumpur Golf & Country Club, Kiara dekat sini, semalam.

Kelmarin, Presiden Cuepacs, Omar Osman dilaporkan berkata pihaknya akan menghantar surat kepada Perdana Menteri, menuntut pembayaran bonus atau sagu hati sebanyak RM2,000 kepada setiap kakitangan kerajaan.

Beliau yakin kerajaan akan memenuhi tuntutan itu kerana kerajaan sebelum ini tidak pernah menolak permintaan Cuepacs.

Sebagai kerajaan yang prihatin dengan masalah rakyat, katanya, Cuepacs yakin kerajaan akan menimbang secara terperinci tuntutan itu kerana memahami dilema kumpulan sokongan yang berdepan masalah peningkatan kos sara hidup.

Dalam pada itu, Nor Mohamed berkata, semua jabatan dan kementerian sudah diarah menyediakan laporan berhubung pendedahan isu salah urus dana awam yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2006.

"Semua kementerian termasuk Kementerian Kewangan dan pihak terbabit sudah diarah untuk mengkaji isu ini. Kalau boleh kita nak selesaikannya secepat mungkin," katanya.

Laporan Audit Negara 2006 yang dikemukakan di Parlimen, Jumaat lalu, mendedahkan kelemahan beberapa kementerian dan jabatan menguruskan dana awam, termasuk dalam pembelian pelbagai barang serta peralatan.

Ahad lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, meminta semua kementerian berkaitan menjawab teguran Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berhubung salah urus dana awam, termasuk dalam pembelian peralatan dan pengurusan kontrak.

Tajuk Artikel : 'Buang tanggapan negatif'

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

Malaysia, Indonesia tak harus benar isu remeh ganggu hubungan dua hala: Najib



KUKUH HUBUNGAN: Najib bersalam dengan penuntut Malaysia di Universiti Hasanuddin selepas menyampaikan ucapan di kediaman Gabenor Sulawesi Selatan, semalam.

MAKASSAR (Sulawesi): Datuk Seri Najib Razak berkata, rakyat Indonesia perlu membuang persepsi negatif terhadap Malaysia yang sentiasa memastikan keadilan ditegakkan tanpa mengira bangsa atau kerakyatan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, persepsi negatif terhadap Malaysia timbul beberapa kejadian kecil dan tidak benar yang diperbesarkan hingga menimbulkan ketegangan yang tidak sepatutnya berlaku.

Beliau berkata, Malaysia dan Indonesia adalah satu keluarga besar dan masing-masing perlu mengambil kira perasaan masing-masing.

"Ada perkara kecil yang mungkin tidak membawa sebarang implikasi jika berlaku kepada negara lain, tetapi apabila membabitkan Malaysia, ia menjadi begitu sensitif," katanya pada Majlis Makan Malam sempena seminar Refleksi Perjalanan 50 tahun Hubungan Diplomatik Indonesia-Malaysia, di sini malam kelmarin.

Turut hadir, Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri Penerangan, Datuk Seri Zainuddin Maidin dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Najib berkata, jumlah penganiayaan pekerja Indonesia seperti digembar-gemburkan media Indonesia sebenarnya kecil dan tindakan undang-undang sudah diambil terhadap mereka yang terbabit.

"Rakyat Indonesia tidak perlu bimbang kerana kita tidak akan melindungi sesiapa yang melakukan kesalahan.

"Jika mahkamah lambat membicarakan tertuduh berkeajaan, kita akan minta ia dipercepatkan demi kes

kepentingan awam," katanya sambil menegaskan tindakan sama diambil terhadap warga Indonesia yang melakukan jenayah di Malaysia.

Dalam sebarang keadaan, beliau berkata, Malaysia dan Indonesia tidak harus membenarkan perkara remeh mengganggu hubungan dua hala dan perdagangan yang baik ketika ini.

"Tahun lalu, import Malaysia dari Indonesia berjumlah AS\$5.1 bilion (RM18.1 bilion) Jumlah keseluruhan perdagangan kedua-dua negara kini melampaui AS\$8.6 bilion atau RM33 bilion.

"Dari segi pelaburan, Malaysia kini muncul pelabur luar terbesar di Indonesia dengan jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan sebanyak AS\$2.2 bilion atau RM8.4 bilion," katanya.

Katanya, pada masa sama, pengusaha Malaysia di Indonesia juga tidak harus memonopoli keseluruhan perniagaan, sebaliknya lebih menumpukan kepada menjalin usaha sama dengan syarikat tempatan.

Beliau berkata, usaha sama antara syarikat Malaysia di Indonesia dengan pengusaha tempatan akan menjadikan mereka lebih daripada hanya sebagai penggerak jentera ekonomi.

"Mereka juga dapat berperanan sebagai penyumbang kepada usaha memperkasakan hubungan dua hala dua negara berjiran ini," katanya.

Sementara itu, Najib juga merasmikan pembukaan pejabat konsul kehormat di Indonesia dan adik Jusuf Kalla, Halim Kalla, dilantik sebagai konsul kehormat.

Tajuk Artikel : Projek inisiatif swasta gagal tak dibantu

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

Daripada Khirul Bahri Basaruddin

SINGAPURA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, kerajaan tidak akan membantu menyelamatkan projek yang dimajukan melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) yang gagal bagi memastikan kewangan negara digunakan untuk faedah rakyat saja.

Perdana Menteri berkata, kerajaan lebih mengutamakan penggunaan sumber kewangan untuk projek bagi faedah rakyat seperti membina sekolah baru, rumah murah, kemudahan infrastruktur serta membangunkan sektor pertanian, berbanding menjayakan projek mega.

"Saya pernah menerima cadangan daripada pelbagai pihak untuk melaksanakan projek besar seperti kereta api laju dari Singapura ke Kuala Lumpur.

"Saya beritahu mereka projek itu memerlukan kos tinggi dan pada masa sama, kita sudah mempunyai penerbangan kedua-dua destinasi itu.

"Bagaimanapun, saya beritahu jika mereka bersedia untuk mengeluarkan perbelanjaan sendiri, kerajaan tidak menghalang, mereka perlu bina sendiri dan selepas itu mengendalikan sendiri. Kerajaan tidak akan mengendalikan kereta api laju...kita cuma ada Keretapi Tanah Melayu," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika menjawab soalan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Forbes, Steve Forbes selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Global CEO Forbes di Sentosa Cove, Pulau Sentosa, di sini, malam tadi.

Abdullah diberi penghormatan untuk berucap di hadapan 400 pemimpin perniagaan seluruh dunia, termasuk 75 ahli keluarga yang disenaraikan Orang Kaya Forbes serta menjawab soalan daripada mereka yang hadir.

Perdana Menteri menghabiskan kira-kira 30 minit untuk menjawab soalan dan pada akhir persidangan, beliau menerima tepukan gemuruh hadirin yang berpuas hati dengan setiap jawapan yang diberikannya.

Abdullah memberitahu bahawa pendekatan PFI itu membolehkan pihak swasta mengetuai membangunkan negara yang sebelum ini dilakukan kerajaan.

Katanya, setiap syarikat yang terbabit dalam PFI perlu menyumbang dalam tabung untuk membiayai urusan pengambilan tanah, mengadakan bekalan elektrik dan air.

Menjawab soalan Forbes mengenai kebimbangan masyarakat Cina dan India untuk menetap di Malaysia berikutan terdapat dasar keistimewaan untuk Bumiputera, Abdullah berkata, mereka tidak perlu takut kerana setiap dasar negara diputuskan oleh semua pemimpin kaum.

Katanya, Malaysia mempunyai sebuah kerajaan yang unik diwakili oleh 14 parti dalam komponen Barisan Nasional (BN) yang mewakili semua kaum sehingga berjaya mewujudkan sebuah negara yang aman sejak 50 tahun lalu.

"Kami mengamalkan dasar berkongsi kuasa dan Kabinet dianggotai semua kaum. Setiap keputusan yang diputuskan (Kabinet) adalah sebulat suara," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata, Malaysia yang menghadapi pelbagai cabaran sejak penubuhannya 50 tahun lalu, berjaya mencapai pertumbuhan ekonomi membanggakan, sekali gus meningkatkan purata pendapat 26 kali ganda serta mengurangkan kadar kemiskinan melebihi 50 peratus.

Sehubungan itu, katanya, bagi tempoh 50 tahun akan datang pula, Malaysia akan menghadapi cabaran baru untuk melahirkan modal insan yang lebih efisien serta relevan dalam persaingan.

"Oleh itu, Malaysia memerlukan dua perkara penting berlaku serentak. Pertama, kami perlu meningkatkan nilai dalam persaingan dan mengekalkannya, disokong dengan modal insan lebih baik.

"Kedua, kami perlu memastikan pertumbuhan dan pembangunan berlaku di pelusuk negara, tidak hanya tertumpu dalam atau sekitar Kuala Lumpur saja," katanya.

Tajuk Artikel : Pembangkang terdesak cuba jejas imej kerajaan

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

Oleh Muhd Yusuf Abu Bakar dan M Hifzuddin Ikhsan

KUCHING: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, parti pembangkang kini terdesak sehingga sanggup mencetuskan situasi tegang bagi memaksa polis bertindak tegas sebagai taktik untuk memburukkan kerajaan.

Perdana Menteri berkata, apabila polis bertindak tegas dalam kejadian rusuhan di Terengganu malam Sabtu lalu, pembangkang menjadikannya isu untuk menyalahkan kerajaan.

"Kejadian itu adalah taktik politik pembangkang yang terdesak di Terengganu selepas Barisan Nasional (BN) berjaya membawa kemakmuran kepada rakyat negeri berkenaan berbanding ketika ia diperintah pembangkang.

"Ini adalah politik pembangkang, lima tahun BN memerintah Terengganu kita sudah berhasil membantu rakyat, sesuatu yang tidak mampu dibuat pembangkang, Terengganu bertambah baik berbanding dulu.

"Mereka tiada idea untuk majukan negeri serta tiada peluang menang pada pilihan raya, sekarang mereka burukkan pula kerajaan," katanya pada sidang media di hotel penginapannya sebelum berlepas ke Singapura melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, semalam.

Abdullah tiba di sini kelmarin untuk bersama ribuan penduduk Sarawak menyambut perayaan Malaysia Merdeka di Stadium Negeri, Petra Jaya.

Dalam kejadian rusuhan di Batu Buruk, Terengganu, Sabtu lalu, empat anggota polis dan dua penyokong pembangkang cedera, manakala 23 orang dipercayai pengikut parti pembangkang ditahan.

Perdana Menteri berkata, pembangkang sememangnya mempunyai niat buruk kerana sudah bersedia untuk menghadapi tindakan polis, termasuk membawa bom api.

"Perkara ini tidak akan terjadi jika penganjur mematuhi arahan polis supaya tidak mengadakan ceramah berdekatan dengan istana. Penduduk juga sudah menyampaikan bantahan kepada polis kerana tidak mahu diganggu.

"Bagaimanapun, penganjur teruskan juga sehingga berlaku kejadian tidak diingini. Mereka mempunyai perancangan awal untuk meneruskan ceramah serta membawa bom berkenaan," katanya.

Abdullah berkata, kejadian itu dijadikan peluang untuk melemparkan tuduhan terhadap polis yang didakwa menggunakan kekerasan.

"Ini taktik lazim digunakan bagi mencetuskan situasi sehingga polis terpaksa mengambil tindakan tegas. Ia digunakan untuk menyerang dan memburukkan kerajaan sedangkan polis mempunyai tanggungjawab menjaga ketenteraman," katanya.

Mengenai kejadian membakar Jalur Gemilang, Abdullah berkata: "Apa salah Jalur Gemilang sehingga dibakar? Itu bendera lambang negara.

"Mereka boleh menahan penyokong mereka daripada membakarnya, tetapi membiarkan kejadian itu... pembangkang ada niat tidak baik ketika rakyat lain bersyukur dengan sambutan kemerdekaan ke-50," katanya.

Perdana Menteri menyerahkan kepada polis untuk mengambil tindakan lanjut dan kerajaan tidak akan menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) untuk menahan mana-mana pihak.

Mengenai peruntukan RM8 bilion untuk Sabah dan Sarawak dalam Bajet yang diumumkan Jumaat lalu, Abdullah berharap peruntukan berkenaan dapat digunakan sebaik mungkin bagi memajukan kedua-dua negeri berkenaan.

Tajuk Artikel : Kempen pakai topi keledar

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

Oleh Arhiza Ahmad

5,000 pelindung kepala diedarkan percuma kepada penduduk 16 kampung, termasuk pelajar 17 sekolah di DUN Rantau

SEREMBAN: Kadar kemalangan yang tinggi membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal memang merisaukan kerajaan sehingga satu pelan khas dirangka bagi mencari jalan dan melaksanakan pelbagai pendekatan untuk menangani masalah berkenaan.

Hasilnya, wujudlah kempen, pameran bergerak, sumbangan topi keledar dan pelbagai lagi cara bagi mencapai sasaran mengurangkan kadar kemalangan dan kematian pengguna motosikal yang turut mengakibatkan negara kerugian besar dari segi kewangan akibat tuntutan insurans. Perangkaan menunjukkan kebanyakan pengguna motosikal yang maut akibat kemalangan adalah remaja dan belia, sekali gus menyebabkan negara turut kerugian dari segi tenaga kerja dan pelapis.

Kerajaan Negeri Sembilan juga tidak ketinggalan menyokong usaha terbabit, tetapi ia diperluaskan sehingga ke kawasan luar bandar kerana di situlah aspek keselamatan penggunaan motosikal tidak begitu diberikan perhatian oleh masyarakat.

Sudah menjadi perkara lazim apabila melihat penunggang dan pembonceng motosikal di kampung bebas menunggang tanpa menggunakan topi keledar, biasa juga melihat ada motosikal yang membawa sehingga dua atau tiga pembonceng.

Bersama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Negeri Sembilan, kerajaan negeri melancarkan kempen menggalakkan pemakaian topi keledar di negeri ini melalui majlis yang berlangsung di Dewan Orang Ramai Rantau, dekat sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan yang prihatin dengan isu keselamatan di jalan raya, turun sendiri ke padang melancarkan kempen berkenaan dan mengingatkan rakyat mengenai betapa pentingnya aspek keselamatan ketika di jalan raya.

Majlis turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Norzam Mohd Nor; Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Sumber Manusia dan Pengaduan Awam negeri, Datuk Peter Lai yang juga Pengerusi MKJR negeri serta Ketua Pengarah JKJR, Datuk Suret Singh.

Sebanyak 5,000 topi keledar diedarkan secara percuma kepada penduduk dari 16 kampung, termasuk pelajar 17 sekolah dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau yang dipilih sebagai kawasan perintis bagi kempen berkenaan.

Kempen turut diisi dengan sesi khidmat nasihat dan kaunseling oleh JKJR, Jabatan Pengangkutan Jalan

(JPJ) dan polis kepada masyarakat setempat, terutama pengguna motosikal dan basikal untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menggunakan topi keledar.

Pada pelancaran kempen itu, Menteri Besar menasihatkan pengguna motosikal supaya bukan sekadar memakai topi keledar, tetapi juga memastikannya diikat dengan betul bagi mengelakkan kecederaan kepala yang menjadi punca kepada banyak kes kematian.

"Ada yang tak pakai langsung topi keledar, ada yang pakai tapi mengikatnya secara sambil lewa saja kerana mungkin menganggap tempat yang dituju tidak jauh. Sikap sebegini harus dikikis kerana jika berlaku kejadian tidak diingini dan ada kematian, ia kematian yang sia-sia," katanya.

Katanya, perangkaan polis menunjukkan 6,287 kematian akibat kemalangan jalan raya di seluruh negara pada 2006 dengan 3,693 kes kemalangan maut atau 60 peratus daripada jumlah keseluruhan kemalangan maut yang dilaporkan membabitkan penunggang dan pembonceng motosikal.

"Dalam kebanyakan kes, kecederaan yang dialami penunggang dan pembonceng akibat kemalangan adalah di bahagian kepala dan ini menunjukkan sama ada mereka tidak memakai topi keledar atau tidak menggunakannya dengan betul," katanya.

Beliau berkata, topi keledar wajar digunakan sama ada untuk menunggang atau membonceng motosikal atau basikal, bukan dibiarkan tersangkut di dalam rumah atau dalam bakul motosikal.

Murid tahun lima, Wong Tiew Kang, 11, berkata selepas ini, dia akan sentiasa memakai topi keselamatan yang diterimanya itu untuk berulang-alik ke sekolah yang terletak kira-kira dua kilometer dari rumahnya bagi menjaga keselamatan.

"Selama ini, saya tak pernah pakai sebarang pelindung seperti topi keledar ketika berulang-alik ke sekolah menggunakan jalan utama yang dipenuhi kenderaan, terutama pada waktu pagi. Apabila sudah ada topi ini, saya akan pakai dan berasa lebih selamat," katanya.

Murid tahun enam, Norshadila Norsin, 12, juga berterima kasih atas sumbangan topi keselamatan berkenaan yang akan dipakainya apabila berbasikal ke sekolah dan berharap lebih ramai pelajar menerima sumbangan sedemikian.

Imam Kampung Seliau, Baha Mohd Ali, 68, memuji usaha kerajaan melancarkan kempen itu kerana ia dapat meningkatkan kesedaran dan menggalakkan masyarakat, termasuk di luar bandar menggunakan topi keledar.

"Memang ramai penduduk kampung tak guna topi keledar dan ia membahayakan mereka jika berlaku kejadian tidak diingini. Saya amat berharap mereka yang menerima topi keledar pada majlis ini tidak hanya menyimpannya di rumah," katanya.

Pengguna motosikal, Mohd Arif Ujang, 65, berkata beliau akan menggunakan topi keledar setiap kali menunggang motosikal selepas ini dan memastikan langkah sama turut diambil ahli keluarganya.

"Topi keledar ini juga amat berkualiti. Saya menerima dua topi, iaitu untuk diri sendiri dan isteri, kami akan menggunakannya untuk ke mana-mana selepas ini demi keselamatan," katanya.

FAKTA:

Kempen Penggalakan Pemakaian Topi Keledar

Projek perintis di DUN Rantau

5,000 topi keledar untuk motosikal dan topi keselamatan untuk pengguna basikal diagihkan percuma

Penerima sumbangan topi keledar dipilih dari 16 kampung.

Tajuk Artikel : Generasi muda digesa memanfaatkan perpustakaan

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

KUALA PILAH: Perbelanjaan besar yang dikeluarkan kerajaan untuk menyediakan perpustakaan yang selesa dengan matlamat melahirkan bangsa berilmu dan berjaya akan menjadi sia-sia jika masyarakat tidak memanfaatkan sepenuhnya kemudahan berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Negeri Sembilan, Datuk Ismail Lasim, berkata sebanyak 84 perpustakaan utama dan 70 perpustakaan desa sudah disediakan di seluruh negeri ini, tetapi masih ramai yang tidak memanfaatkan kemudahan itu, terutama generasi muda kerana kurang minat membaca. "Sehubungan itu, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) mengadakan pelbagai aktiviti dan kempen bagi memupuk minat membaca di kalangan masyarakat, termasuk mewujudkan Program Kembara Ilmu yang diharap dapat menjana pembudayaan ilmu di kalangan masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan majlis penutup Program Kembara Ilmu 2007 Peringkat Negeri Sembilan yang berlangsung di Perpustakaan Awam Kuala Pilah, di sini yang turut dihadiri Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Shamsuddin Hamidan.

Ismail yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya dan Pembangunan Usahawan negeri, berkata rakyat perlu mengetahui segala perkara dan menguasai maklumat menerusi aktiviti pembacaan yang boleh membantu kerajaan melahirkan modal insan berkualiti.

Katanya, Program Kembara Ilmu yang dilancarkan pada 2006 adalah untuk menyalurkan maklumat kepada orang ramai di samping menanam minat mereka terhadap budaya membaca serta mengimarahkan perpustakaan.

"Program ini juga diisi dengan aktiviti kemasyarakatan yang diharap dapat mendekatkan peserta dengan masyarakat melalui pelbagai kegiatan seperti gotong royong dan ramah mesra bersama penduduk kampung," katanya.

Pada program berkenaan, peserta didedahkan dengan pelbagai aktiviti, antaranya pengisahan sejarah daerah Jelevu, ceramah motivasi kemerdekaan, gotong royong membersihkan masjid, pertandingan melukis dan mewarna.

Tajuk Artikel : Murid 52 Tabika Kemas sambut merdeka

Sumber / Tarikh : Berita Harian Online September 12, 2007 – Rabu

KUALA LUMPUR: Seramai 900 kanak-kanak dari 52 Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) di kawasan Parlimen Subang menyertai pelbagai aktiviti sempena sambutan kemerdekaan negara ke-50, baru-baru ini.

Program anjuran Kemas Subang yang bermula seawal jam 8 pagi itu dimeriahkan dengan pelbagai program seperti pertandingan pakaian beragam, pertandingan sajak bahasa Inggeris, senamrobik dan pertandingan mewarna.

Selain penyertaan untuk ibu bapa, program sambutan kemerdekaan itu juga menyaksikan kanak-kanak pra sekolah itu menyertai perbarisan diiringi lagu Tanggal 31 Ogos dan Keranamu Malaysia.

Program itu dirasmikan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan Selangor merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) Kota Damansara, Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahalan.

Mohd Mokhtar berkata, ketiga-tiga DUN di Parlimen Subang iaitu DUN Kota Damansara, DUN Paya Jaras dan DUN Bukit Lanjan turut terbabit menganjurkan pelbagai program di kawasan masing-masing.

"Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) seperti Umno, MCA dan MIC menganjurkan pelbagai program untuk penduduk di kawasan masing-masing untuk sama-sama memeriahkan sambutan kemerdekaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program sempena sambutan Kemerdekaan Negara ke-50 Peringkat Parlimen Subang di sini.

Katanya, penganjuran seumpama itu secara tidak langsung dapat meningkatkan semangat patriotisme di kalangan masyarakat terutama generasi muda untuk menyayangi dan mencintai negara Malaysia.

Mohd Mokhtar berkata, pihaknya mahu generasi muda tahu mengenai kepayahan untuk mendapatkan kemerdekaan suatu masa dulu dan kepada mereka disandarkan harapan supaya kemerdekaan dan kemakmuran yang dicapai sejak 50 tahun lalu dikekalkan untuk tempoh 50 tahun akan datang.

"Kita berazam dan bertekad supaya 50 tahun akan datang negara ini meneruskan kecemerlangan dan kegemilangan sedia ada selaras dengan hasrat Perdana Menteri yang mahu rakyat dan negara ini disegani di peringkat dunia," katanya.

Tajuk Artikel : Hanya peminjam boleh keluarkan wang akaun 2

Sumber / Tarikh : Utusan Online September 12, 2007 – Rabu

KUALA LUMPUR 11 Sept. – Pengeluaran wang daripada Akaun 2 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi tujuan pembayaran ansuran bulanan rumah hanya boleh dibuat oleh pencarum yang membuat pinjaman perumahan sahaja.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, kerajaan mempunyai mekanisme tertentu untuk memastikan pencarum yang layak sahaja menikmati kemudahan tersebut bagi mengelakkan ia disalah guna oleh orang ramai.

Beliau turut memberi jaminan mekanisme yang bakal dilaksanakan oleh KWSP itu adalah mudah.

Sebagai contoh, Nor Mohamed berkata, pencarum yang mempunyai gaji sebanyak RM2,000 sebulan boleh mendapat kemudahan ansuran pinjaman perumahan sebanyak RM138 sebulan.

Tambahnya, wang tersebut akan dikreditkan kepada akaun pencarum bagi membolehkan ia digunakan atau ditambah untuk menjelaskan ansuran rumah yang dibeli.

"Inilah sistem yang terdapat dalam mekanisme itu dan KWSP bakal mengumumkan butiran terperinci mengenainya tidak lama lagi.

"Secara amnya, mekanisme pengeluaran bagi Akaun 2 adalah mudah selagi pencarum benar-benar membuat pinjaman perumahan dengan bank," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Seminar Persatuan Penerbit-Penerbit Akhbar Malaysia di sini, hari ini.

Tambahnya, jika pihak menerima maklumat yang pencarum terbabit tidak menjelaskan ansuran pinjaman perumahan sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga bulan, KWSP berhak menghentikan pengeluaran caruman daripada Akaun 2.

Nor Mohamed menjangkakan mekanisme tersebut sukar disalahgunakan oleh pencarum, seperti yang berlaku dalam skim pinjaman komputer sebelum ini.

Katanya, KWSP akan memastikan setiap pencarum yang membuat permohonan bagi pengeluaran caruman daripada Akaun 2 telah membuat pinjaman perumahan melalui bank-bank.

"Kalau tidak ada bukti pinjaman, KWSP tidak akan membenarkan wang tersebut dikeluarkan," katanya.

Tajuk Artikel : Solat dua imam: Selangor arah tutup surau

Sumber / Tarikh : Utusan Online September 12, 2007 – Rabu

SHAH ALAM 11 Sept. – Kerajaan negeri Selangor mengeluarkan arahan menutup sebuah surau di Seksyen 8 di sini kerana masih lagi menjalankan sembahyang dua imam.

Arahan tutup oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) yang dikeluarkan pada 15 Ogos itu, dibuat setelah penduduk di situ tidak mematuhi keputusan rundingan berhubung pertikaian pelantikan ahli jawatankuasa surau Ar-Rahman oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Ogos lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Belia dan Mesra Rakyat negeri, Datuk Abdul Rahman Palil berkata, sebelum ini pertikaian itu berjaya diselesaikan melalui campur tangan daripada wakil Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Bagaimanapun, JAIS mendapati masih berlaku penganjuran sembahyang dua imam walaupun kedua-dua pihak sebelum ini menyatakan persetujuan untuk sembahyang seperti biasa di surau berkenaan.

“Penduduk tidak mematuhi keputusan rundingan yang dibuat dan menjalankan aktiviti sembahyang dua imam selain menjemput penceramah yang tidak mempunyai tauliah daripada JAIS.

“Oleh itu, tindakan menutup surau ini adalah wajar kerana ia boleh mengugat keharmonian masyarakat serta perpecahan di kalangan umat Islam di negeri ini,” katanya ketika merasmikan Program Bicara Isu Semasa 2007.

Sebelum ini, penduduk di kawasan itu telah diberikan kata putus, sama ada sembahyang seperti biasa atau menutup terus surau tersebut sekiranya masih berkeras mahu menganjurkan sembahyang dua imam dalam satu rundingan bersama Orang Kaya Mahawijaya Daerah Petaling, Datuk Seri Indah Diraja Abu Bakar Abdul Hamid.

Hasil rundingan tersebut, penduduk telah mencapai kata sepakat untuk mengadakan solat seperti biasa dan menerima pelantikan ahli jawatankuasa baru surau berkenaan.

Tajuk Artikel : G. Rajasekaran, presiden ITUC pertama

Sumber / Tarikh : Utusan Online September 12, 2007 – Rabu

KUALA LUMPUR 11 Sept. – Pelantikan Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) G.Rajasekaran sebagai presiden pertama Pertubuhan Serantau Asia Pasifik Persekutuan Kesatuan Sekerja Antarabangsa (ITUC Asia Pasifik), merupakan satu pengiktirafan terhadap sumbangan MTUC kepada pergerakan kesatuan sekerja antarabangsa, kata Timbalan Setiausaha Agung Kongres itu, Abdul Halim Mansor.

Pelantikan Rajasekaran itu dibuat pada mesyuarat tiga hari ITUC Asia Pasifik di Bangalore, India minggu lepas, katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata ITUC Asia Pasifik yang berpangkalan di Singapura, mewakili 18.5 juta anggota dari 39 negara, dan menurutnya kongres minggu lepas dihadiri oleh 300 delegasi yang mewakili 44 pusat kesatuan sekerja nasional.

Abdul Halim berkata, kongres itu turut bersetuju untuk menerima program tindakan 10 perkara dalam menghadapi cabaran globalisasi.

Beliau berkata, para perwakilan itu menegaskan bahawa proses globalisasi seharusnya memantau dan menghormati tanggungjawab sosial korporat, dan pada masa yang sama, pertumbuhan ekonomi seharusnya berkekalan di samping memberi manfaat kepada pekerja.

– Bernama

Tajuk Artikel : 10.7 Juta Pelancong Lawat Malaysia Hingga Jun

Sumber / Tarikh : Bernama Online September 12, 2007 – Rabu

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Ketibaan pelancong ke Malaysia meningkat 24 peratus kepada 10.7 juta dari Januari hingga Jun tahun ini berbanding 8.5 juta bagi tempoh yang sama tahun lepas.

Perangkaan ini menunjukkan penerusan arah aliran positif lebih sejuta pelancong sebulan yang berkunjung ke negara ini, kata Tourism Malaysia dalam kenyataannya hari ini.

Kenyataan itu berkata bagi Jun 2007, Malaysia mencatat ketibaan pelancong berjumlah 1.8 juta, berbanding 1.3 juta pada bulan yang sama tahun lepas.

Bulan lepas, ketibaan pelancong dari Poland mencatat pertumbuhan tertinggi iaitu 762.9 peratus, diikuti Finland (192.4 peratus), Vietnam (128 peratus), Brunei (111.5 peratus) dan Turki (104.5 peratus), kata Tourism Malaysia.

Sepuluh pasaran pelancong teratas bagi negara ini bagi tempoh Januari hingga Jun 2007 ialah Singapura, Indonesia, Thailand, Brunei, China, India, Jepun, Filipina, Australia dan United Kingdom, kata kenyataan itu.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Cadangan Hukuman Beray Untuk Wakil Rakyat langgar Undang-Undang

Sumber / Tarikh : Bernama Online September 12, 2007 – Rabu

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Beberapa anggota Parlimen hari ini bercanggah pendapat mengenai cadangan untuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap wakil rakyat yang didapati menyalahi undang-undang, termasuk menyeleweng atau mengambil rasuah.

Wong Nai Chee (BN-Kota Melaka) ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2008 berkata hukuman yang lebih berat akan memastikan setiap wakil rakyat tidak akan mengulangi kesalahan mereka.

"Dari segi psikologi, ia boleh memahat dalam lubuk hati wakil rakyat supaya kita tidak akan menyeleweng atau melakukan apa-apa perkara yang tidak baik dalam negara kita," katanya.

Fadillah Yusof (BN-Petra Jaya) pula menyifatkan cadangan itu sebagai idea bernas bagi menangani gejala rasuah yang semakin meningkat di negara ini.

Beliau turut mencadangkan agar salinan borang pengisytiharan harta yang wajib ditandatangani oleh setiap kakitangan kerajaan diserahkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) supaya BPR dapat menyiasat dan menangani perkara itu secepat mungkin.

Datuk Ab Halim Ab Rahman (PAS-Pengkalan Chepa) yang turut bersetuju dengan cadangan itu menyifatkan ia sebagai "amat baik" dan cadangan untuk menyiasat aset adalah "selari dengan Islam".

Namun begitu, cadangan tersebut mendapat tentangan Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) yang berkata adalah tidak relevan untuk mengadakan undang-undang khusus untuk wakil rakyat kerana wakil rakyat juga manusia biasa.

"Kalau begitu akan ada undang-undang untuk wakil rakyat, untuk ketua setiausaha, untuk ketua pengarah ada, pengarah ada. Memang kita benci rasuah tapi bukan itu caranya," katanya.

Cadangan itu turut ditolak Razali Tuaran (BN-Muar) yang berpendapat tidak perlu untuk mengadakan hukuman berbeza bagi wakil rakyat atau orang biasa, tetapi memadai dengan mengenakan hukuman maksimum.

"Saya rasa dalam mana-mana hukuman itu ada misalnya denda RM50 hingga RM1,000 maka kalau orang ini pembuat undang-undang (termasuklah wakil rakyat) tetapi membuat kesalahan, kita cadangkan hukuman maksimum diberikan.

"Yang penting adalah mesej yang ingin disampaikan, (iaitu) kalau kita buat undang-undang kita kena patuh, bukan kerana (jawatan sebagai) wakil rakyat jadi dikenakan hukuman lebih berat," katanya.

Terdahulu, Wong turut mencadangkan agar satu Suruhanjaya Pelantikan Hakim yang terdiri daripada Ketua Hakim Negara, Hakim Besar Malaya, Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Peguam Negara, dua wakil dari Majlis Peguam Malaysia dan dua orang awam bagi melantik hakim mahkamah di negara ini.

Menurut perlembagaan, kata beliau, hakim bagi Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Perdana Menteri, setelah dibincangkan oleh Majlis Raja-Raja.

Wong berkata beliau tidak bermaksud untuk mempertikaikan keputusan Perdana Menteri (dalam melantik hakim) tetapi cadangan itu bagi mengelakkan tanggapan negatif sesetengah pihak yang mendakwa ada ketirisan dalam proses pemilihan hakim di negara ini.

Persidangan dewan bersambung esok.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Laatan Ke Indonesia Berjaya - Zainuddin

Sumber / Tarikh : Bernama Online September 12, 2007 – Rabu

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Lawatan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak ke Makassar, Indonesia selama dua hari bermula Ahad lepas memberikan impak besar dalam

memperkuhkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara selain dapat meredakan kemarahan segelintir penduduk negara itu terhadap Malaysia.

Menteri Penerangan Datuk Seri Zainuddin Maidin berkata media di Indonesia turut memberikan liputan positif secara luas mengenai lawatan itu selain menyatakan persetujuan bahawa hubungan kedua-dua negara perlulah berasaskan kepentingan nasional dan bukan hanya berlandaskan kepentingan serumpun.

"Lawatan itu tepat pada masanya dan menunjukkan ramai rakyat negara itu merasakan hubungan baik kedua-dua negara perlu dipelihara dan tidak dirosakkan oleh pihak-pihak tertentu," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Akhir bulan lepas, beberapa pihak yang dikatakan marah kepada Malaysia membuat demonstrasi berikutan insiden pengadil karate kebangsaan dari Indonesia Donald Luther Colopita yang didakwa dipukul empat anggota polis semasa ditahan untuk diperiksa di Nilai, Negeri Sembilan pada 24 Ogos lepas.

Zainuddin yang turut sama mengiringi Najib ke Indonesia berkata lawatan itu juga menyedarkan kedua-dua negara bahawa isu yang berbangkit itu perlu ditangani sebagai misi nasional dan secara lebih realistik serta bukan dianggap sekadar isu serumpun yang boleh diselesaikan secara "sentimen perasaan".

Zainuddin berkata hasil lawatan itu menyaksikan media Indonesia juga menghargai dan menghormati sikap kerajaan Malaysia yang lebih terbuka dan rasional dalam mengatasi isu membabitkan kedua-dua negara.

Berhubung kes mahkamah pembantu rumah Indonesia, Nirmala Bonat yang menjadi mangsa dera majikannya serta perbicaraannya belum selesai sejak 2004 hingga menjejaskan imej negara, Zainuddin bersetuju ia perlu diselesaikan segera.

"Perkara itu dinyatakan secara peribadi kepada saya oleh beberapa pihak (di Indonesia)," katanya.

Zainuddin berkata Najib dalam ucapannya semalam turut menyatakan Malaysia memandang berat terhadap kelewatan kes-kes perbicaraan membabitkan rakyat Indonesia.

"Saya telah memaklumkan perkara ini kepada kerajaan dan perkara ini perlu dipandang serius demi untuk menjaga imej negara," katanya.

-- BERNAMA

**Tajuk Artikel : Bantuan Kewangan Kepada Ngo Ikut
Peraturan:Shahrizat**

Sumber / Tarikh : Bernama Online September 12, 2007 – Rabu

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Dakwaan berlaku pemberian bantuan geran oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang tidak wujud adalah tidak benar, kata Menterinya Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Beliau berkata bantuan kewangan kepada NGO itu dibuat dengan mengikut garis panduan yang disediakan oleh Kementerian Kewangan menerusi dua jawatankuasa iaitu Urusetia Perakuan Bantuan Khas Perbendaharaan dan Jawatankuasa Perakuan Bantuan Khas Perbendaharaan.

Shahrizat, dalam satu kenyataan di sini hari ini berkata laporan Ketua Audit Negara bahawa kementeriannya menghulurkan bantuan kepada sebuah NGO yang tidak wujud, sebenarnya berpunca daripada kekeliruan pemberian geran kepada Majlis Kebajikan Masyarakat Negeri Perak pada tahun lepas.

Katanya majlis kebajikan itu dibubarkan pada 4 Okt 2005 tetapi didaftarkan semula pada 2 Jun 2006, sekali gus layak mendapat bantuan semula.

Bagaimanapun Shahrizat berkata teguran Ketua Audit Negara itu akan tetap diberikan perhatian serius bagi mempertingkatkan dan memantapkan lagi pengurusan teknikal, proses dan prosedur dalam pengagihan bantuan.

"Kementerian akan sentiasa meningkatkan pemantauan bagi memastikan bantuan yang disalurkan kepada NGO digunakan untuk tujuan yang betul dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh kumpulan sasaran," katanya.

Beliau juga berkata teguran Ketua Audit Negara itu hanya membabitkan pengurusan teknikal sahaja dan bukannya melibatkan penyelewengan pengagihan bantuan kewangan.

Berkaitan dakwaan pemberian bantuan geran khas kepada NGO yang mempunyai kewangan kukuh pula, Shahrizat berkata Garis Panduan Pemberian Geran Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak meletakkan sebarang syarat yang menyentuh mengenai kedudukan kewangan sebarang NGO sebagai kelayakan menerima bantuan.

Katanya sokongan JKM berasaskan beberapa kriteria seperti NGO beroperasi tidak berasaskan keuntungan dan mempunyai sumber terhad, kapasiti sesebuah NGO untuk dijadikan wakil kepada golongan sasaran dan jumlah tanggungan yang terpaksa ditampung oleh sesebuah NGO atau agensi.

"Sebahagian besar geran khas (80 peratus daripada keseluruhan peruntukan) yang disediakan oleh JKM kepada NGO adalah dalam bentuk Geran Penyelenggaraan seperti kemudahan makan minum, penginapan dan wang saku yang dikhususkan kepada kumpulan sasaran mengikut jumlah penghuni asrama atau harian di sesebuah NGO," katanya.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Malaysia Tidak Akan Selamatkan Projek PFI, Kata Abdullah

Sumber / Tarikh : Bernama Online September 12, 2007 – Rabu

Oleh Jackson Sawatan

SINGAPURA, 11 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan malam ini bahawa kerajaan tidak akan menyelamatkan projek-projek inisiatif biayaan swasta (PFI) seandainya projek sedemikian berdepan dengan masalah.

Beliau berkata oleh kerana sektor swasta bertanggungjawab terhadap usaha seumpama itu, ia tidak sepatutnya menjangka kerajaan akan menyelamatkan mereka apabila menghadapi masalah.

"Belanja wang dan bangunkan projek... semuanya tindakan anda sendiri. Tidak ada langkah menyelamatkan. Jika anda mengusahakan projek dan sekiranya ia tidak berjalan lancar, dan anda datang meminta wang

daripada kerajaan, saya tidak akan memberikannya kerana saya perlukan wang untuk perkara lain," kata Abdullah pada majlis dialog dengan ketua-ketua perniagaan terkemuka dari seluruh dunia di majlis makan malam gala Persidangan CEO Forbes Global ke-7 di sini, malam ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan daripada presiden merangkap CEO Forbes Steves Forbes mengenai isu-isu penswastaaan dan sama ada kerajaan akan banyak melaksanakan lebih banyak penswastaaan projek.

Abdullah menjelaskan kerajaan memperkenalkan PFI sebagai satu pendekatan baru dalam rancangan pembangunannya.

Forbes juga bertanyakan Abdullah mengenai hubungan kaum di Malaysia yang mana Perdana Menteri menjawab bahawa Malaysia berjaya menanganinya dengan baik dan setiap orang mempunyai masa depan di negara itu.

Beliau menjelaskan apa juga dasar-dasar yang dilihat menyebelahi orang Melayu dan kaum bumiputera lain, diputuskan oleh Kabinet yang dianggotai parti-parti politik mewakili pelbagai kaum di Malaysia.

"Jadi semua dasar-dasar ini yang menyebelahi orang Melayu adalah dasar-dasar Kerajaan, hasil keputusan yang diambil oleh Kabinet yang berbilang bangsa yang mengamalkan perkongsian kuasa.

"Juga keputusan diambil menerusi persetujuan sebulat suara dan jikapun sekiranya ada yang tidak bersetuju, kami tidak akan mengambil keputusan tetapi menangguhkannya untuk perbincangan pada mesyuarat lain agar akhirnya setiap orang akan bersetuju," kata beliau.

Menjawab soalan mengenai perjanjian senjata bernilai AS\$1 bilion antara Russia dan Indonesia, Abdullah berkata Malaysia tidak melihat perkara itu sebagai satu masalah.

"Saya tidak lihat ia sebagai sesuatu yang boleh membawa perkembangan negatif dari segi strategik di Asia Tenggara. Kami perlu mengukuhkan keupayaan pertahanan kami," kata beliau sambil menegaskan bahawa perkara itu tidak akan membawa kepada persaingan senjata di rantau ini.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel : MAS Laksana Program Kecekapan Bahan Api

Sumber / Tarikh : Bernama Online September 12, 2007 – Rabu

PETALING JAYA, 11 Sept (Bernama) -- Malaysia Airlines (MAS) melaksanakan program kecekapan bahan api untuk mengurangkan pembakaran bahan api, kata pengarah urusan/ketua pegawai eksekutifnya, Datuk Idris Jala.

Beliau berkata ada banyak cara untuk mengurangkan pembakaran bahan api, contohnya tidak membawa beban yang tidak diperlukan.

"Saya rasa industri sedang mempersiapkan diri bagi menghadapi harga bahan api yang agak tinggi sekarang," katanya.

Kontrak hadapan utama minyak mentah kandungan sulfur rendah New York bagi penghantaran Oktober, naik 41 sen kepada AS\$77.90 setong daripada AS\$77.49 dalam dagangan lewat Isnin di AS.

Pada 1 Ogos, harga mencecah tahap tertinggi dalam sejarah pada AS\$78.77 setong.

Minyak mentah Brent North Sea bagi penghantaran Oktober diniagakan pada AS\$75.76 setong.

Terdahulu, Idris membentangkan kertas kerja bertajuk "Transformational Leadership", pada seminar "Leadership Pipeline Building the Leadership-Powered Organisation" selama dua hari di sini hari ini.

Idris berkata syarikat penerbangan itu akan memperkenalkan satu jadual baru pada Januari akan datang bagi merangkumi 'masa penampakan' untuk mengurangkan kelewatan penerbangan, katanya.

"Kita mengadakan jadual yang ketat pada bulan Julai. jadual itu bertujuan menggunakan sepenuhnya pesawat kita," katanya apabila ditanya mengenai langkah-langkah syarikat itu untuk meningkatkan Prestasi Tepat Masa (On-Time Performance atau OTP).

"Ia bertujuan memastikan kita tidak mengalami kelewatan penerbangan. Kita yakin dapat memperkenalkan semula jadual itu pada Januari beserta masa penampakan," tegasnya.

OTP pada Julai berada pada paras 50 peratus.

Idris berkata MAS akan memperuntukkan sebuah pesawat simpanan sebagai penampakan untuk digunakan jika berlaku kelewatan, kerana pendapatan tambahan yang diraih daripada jadual yang ketat berbaloi baginya mempunyai pesawat simpanan itu.

-- BERNAMA

Tajuk Artikel : Keupayaan Wanita Perlu Dinilai Berdasarkan Merit - Rafidah

Sumber / Tarikh : Bernama Online September 12, 2007 – Rabu

PETALING JAYA, 9 Sept (Bernama) -- Keupayaan golongan wanita pada masa ini perlu dinilai berdasarkan merit, bukan lagi berdasarkan bilangan kuota yang hanya akan meletakkan kaum berkenaan di tempat yang tidak sepatutnya.

Pengerusi Wanita Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Rafidah Aziz berkata dalam semua aspek yang melibatkan penglibatan kaum wanita, keupayaan mereka pasti akan diiktiraf jika dinilai menggunakan kaedah berkenaan.

"Wanita memang perlu dinilai menerusi merit dalam apa jua carapun, minimum 30 (markah) dan jika markah asasnya ialah 45, maka 45 lah, tidak kurang," katanya kepada pemberita pada majlis sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan ke-50 negara anjuran Wanita Barisan Nasional di Bandar Utama di sini hari ini.

Rafidah yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata kemerdekaan negara yang

telah mencapai usia 50 tahun menyaksikan kaum wanita cemerlang dalam pelbagai sektor khususnya kerajaan dan swasta, justeru pertimbangan perlu diberi kepada wanita sebaiknya, bukan sekadar melepaskan batuk di tangga.

"Saya boleh beri jaminan jika mereka dinilai berdasarkan merit, lebih ramai wanita akan mendapat lebih daripada apa yang mereka perolehi sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas lanjut ucapannya sebelum itu yang menggesa agar kaum wanita di negara ini membuktikan bahawa mereka dipilih sebagai teraju utama kerana keupayaan mereka berdasarkan merit, bukan kerana kuota atau simpati pihak lain.

"Jika kita boleh memiliki semuanya, maka kita berhak untuk memiliki semuanya," kata Rafidah dalam ucapannya terdahulu.

Sementara itu ketika ditanya mengenai jentera pilihan raya Wanita BN, Rafidah berkata pihaknya telah membincangkan soal berkenaan dengan teliti bagi memastikan ia mampu bergerak dengan kukuh dan gagah.

"Sambil itu saya juga minta wanita komponen kemukakan nama supaya dapat kita uruskan dan setiap parti hendaklah bertanggungjawab mengemukakan nama-nama calon.

"Saya selaku Pengerusi Wanita BN akan membantu mengemukakan nama mereka untuk kerusi-kerusi tertentu sama ada negeri atau parlimen," katanya yang menambah bahawa pada masa ini keutamaan diberikan kepada usaha-usaha memastikan jentera pilihan raya bergerak dengan aktif.

-- BERNAMA

Harian Metro

Tajuk Artikel : Bajet 2008 mesra ICT

Sumber / Tarikh : Harian Metro Online September 12, 2007 – Rabu

Oleh Husain Jahit
husain@hmetro.com.my

BAJET 2008 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Jumaat lalu, menyaksikan industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) diberi perhatian khusus apabila kerajaan menitikberatkan soal perkembangannya termasuk bioteknologi, jalur lebar, MSC Malaysia serta penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Pengarah Urusan Intel Malaysia, Atul Bhargava, berkata RM12 juta yang diperuntukkan untuk mempromosikan R&D di institusi pendidikan tinggi akan menggalakkan pembangunan modal insan secara besar-besaran untuk memacu peningkatan ekonomi digital.

Ketua Eksekutif, MSC Malaysia, Datuk Badlisham Ghazali, berkata buku teks percuma untuk semua boleh

diterjemahkan sebagai versi online untuk memastikan penyediaan yang lebih cepat dan kos efektif untuk dimanfaatkan lebih 5.7 juta pelajar.

"Peruntukan RM45 juta kepada Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia untuk melaksanakan projek SchoolNet bagi penyediaan perkhidmatan Internet di sekolah dan RM15 juta lagi untuk pendidikan ICT di kawasan pedalaman amat bertepatan untuk merapatkan jurang digital antara pelajar kota dan desa," katanya.

Sementara Presiden dan Ketua Eksekutif, Mimos Berhad, Datuk Abdul Wahab Abdullah, berkata pengetahuan dan inovasi adalah kunci utama pertumbuhan ekonomi untuk jangka panjang.

"Mimos mengalu-alukan komitmen kerajaan memperbaiki tahap daya saing industri sebenar menerusi peningkatan aktiviti pemasaran antarabangsa dan memperuntukkan sejumlah bajet bagi institusi penyelidikan meneroka peluang baru dalam persekitaran ekonomi global berasaskan pengetahuan.

Ia juga sejajar dengan usaha Mimos menjalin usahasama dengan syarikat terkemuka dunia untuk mencapai hala tuju itu," katanya.

Pengarah Urusan, Yahoo! Asia Tenggara, Tom Sipple, berkata sasaran kerajaan untuk mencapai kadar penembusan jalur lebar kepada 50 peratus isi rumah menjelang 2010 membuktikan komitmen kerajaan memperluaskan manfaat Internet kepada rakyat Malaysia.

"Yahoo! percaya secara positifnya Internet mampu mengubah cara hidup, masyarakat dan ekonomi kerana ia memperluaskan keupayaan berkomunikasi, mencapai maklumat dan urus niaga," katanya.

3Com Asia Ltd, menerusi Pengurus Negara, Malaysia, Marcus Lai, berkata pengecualian cukai dan duti import bagi pelbagai peralatan jalur lebar pasti meningkatkan pertumbuhan capaian Internet dan penembusan jalur lebar dengan lebih pantas.

Pengurus Besar, Nokia Malaysia, Andrew Chong, mempunyai pandangan serupa mengenai inisiatif meningkatkan kadar penembusan jalur lebar dengan mengaitkannya dengan teknologi telekomunikasi sama ada berwayar atau tidak.

Beliau mengaitkan perkhidmatan jalur lebar yang disediakan rangkaian EDGE dan 3G yang dijangka dapat membantu peningkatan penembusan jalur lebar.

Pengarah Urusan, Hewlett-Packard (M) Sdn Bhd, T F Chong, menyokong apabila kerajaan menumpukan terhadap pembangunan modal insan untuk menghasilkan tenaga kerja berpengetahuan tinggi untuk memenuhi permintaan industri ICT.

"Tidak lama lagi HP akan mewujudkan Pusat Sokongan IT dan Pembangunan Aplikasi Global di Cyberjaya dan ia memerlukan tenaga profesional berkemahiran tinggi," katanya.

Tajuk Artikel : Eksperimen dadah santau

Sumber / Tarikh : Harian Metro Online September 12, 2007 – Rabu

Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Disebabkan kesulitan mendapatkan pil khayal tulen, segelintir 'saintis' penagih menjalankan eksperimen maut untuk menghasilkan dadah santau dengan mengadunkan bahan pelik seperti racun tikus, serbuk ubat nyamuk, ubat gegat, tahi lembu, kaca dan simen bagi menambah kesan khayal.

Bagaimanapun, tindakan itu dianggap mengerikan apabila segelintir penagih itu menjadikan rakan sebagai sampel uji kaji untuk memastikan sama ada ciptaan mereka selamat digunakan.

Akibatnya, ada antara penagih yang menjadi bahan uji kaji meninggal dunia kerana keracunan atau pendarahan otak.

Wartawan Harian Metro mendapat maklumat mengenai rahsia tindakan meracun rakan sendiri dengan pelbagai dadah ciptaan gila apabila menjejaki seorang penagih dadah tegar berhampiran Jambatan Sultan Sulaiman di sini.

Lelaki itu yang hanya mahu dikenali sebagai Din, 38, mengaku sudah bergelumang dengan pelbagai dadah bermula daripada ganja hingga kepada pelbagai jenis pil khayal sejak zaman persekolahan lagi.

Dia yang turut menjadi pengedar dadah kecil-kecilan mendakwa mula memproses dadah sendiri berikutan kerap menghadapi masalah putus bekalan dadah serta pil khayal.

"Ada seribu satu jenis resipi campuran dadah boleh dibuat tapi nikmatnya berbeza antara satu sama lain. Ada yang 'syok gila' dan ada yang setakat suam-suam kuku.

"Biasanya kami menggunakan kreativiti masing-masing untuk mencipta dadah baru seperti mencampurkan dadah jenis ketamin, Ecstasy, kafein serta racun tikus untuk mendapat tahap lebih khayal," katanya.

Walaupun enggan mendedahkan kaedah dadah itu diproses, Din berkata tindakan mencampurkan racun tikus atau ubat gegat sudah lama diamalkan penagih yang mahir berkaitan dadah.

Dakwanya, tindakan menggunakan racun tikus adalah sebagai langkah bagi mengelak penagih mati mengejut akibat darah beku di otak.

Racun tikus terbabit dikatakan mampu mengelakkan darah daripada beku serta sel darah mati akibat kekurangan oksigen.

Fungsi racun tikus terbabit dipercayai secara langsung membolehkan darah menjadi cair.

"Bagi sesetengah penagih, mereka mengetahui pengambilan syabu berlebihan boleh menyebabkan tekanan darah naik mendadak. Oleh itu, racun tikus atau ubat nyamuk dicampurkan untuk mengelakkan penagih mati mengejut selepas mengambil dadah.

"Bagaimanapun, kaedah itu mempunyai keburukan jika penagih mempunyai sakit kencing manis dan luka.

"Ia boleh menyebabkan darah pada luka terbabit mengalir tanpa henti hingga menyebabkan mati akibat pendarahan," katanya yang sanggup membuat pengakuan kepada wartawan Harian Metro.

Selain itu, kata Din, ada juga penagih merebus daun ketum yang dicampur dengan ubat nyamuk bagi

menambah kesan khayal selepas mencampurkannya dengan najis lembu.

Menurutnya, penagih sentiasa mempunyai alternatif lain jika bekalan ganja, morfin, heroin atau Ecstasy sukar diperoleh.

"Biasanya beberapa jenis ubat tertentu yang dijual secara haram di klinik boleh diproses menjadi dadah, malah dua hingga lima kali lebih hebat daripada heroin jika diadun dengan betul.

"Sebagai contoh campuran dua pil psikotropik iaitu Suboxone dan Dormicum mampu memberi kesan khayal 10 ganda lebih hebat daripada heroin atau Ecstasy. Biasanya penagih menelan terlebih dulu pil Suboxone sebelum menyuntik cecair Dormicum ke badan," katanya.

Menurutnya, tindakan itu menyebabkan penagih khayal hingga ada antara mereka mati dalam keadaan tidak sedarkan diri.

Dia turut mengaku turut menggunakan ubat penahan sakit, Dihydrocodeine, yang dicampurkan bersama dadah jenis Methadone yang dipercayai mampu menghasilkan kesan khayal setanding kokain dikenali dengan gelaran 'Pok Te'.

"Kesan khayal berganda boleh juga diperoleh dengan mencampur Methadone dengan morfin untuk disuntik ke badan," katanya yang mengaku beberapa rakannya mati serta-merta apabila mencuba dadah yang dihasilkan secara haram itu.

Din mendakwa lebih 10 rakannya maut, termasuk lemas di Sungai Klang selepas 'lalok' melampau.

"Jika kawan saya masih hidup selepas 24 jam, itu tandanya dadah terbabit berkesan tapi jika koma atau mati bererti campuran digunakan adalah salah," katanya,

Sementara itu Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Kang Chez Chiang, berkata kandungan dadah sintetik ATS (Amphetamine-Type Stimulants) sama ada asli atau palsu (campuran) tetap memberi risiko kerana kedua-duanya mampu merosakkan mental dan fizikal individu.

Katanya, walaupun campuran dengan bahan berbahaya seperti racun tikus, simen dan kaca dikatakan meningkatkan kesannya, namun penagih sebenarnya boleh dikategorikan melakukan cubaan membunuh diri secara senyap.

Difahami, dadah buatan sendiri itu boleh mendatangkan kesan sampingan, antaranya mengalami rencatan otak, kerosakan buah pinggang dan masalah pernafasan.

Kesan pengambilan berlebihan pil khayal yang dipercayai mengandungi racun tikus, boleh menyebabkan penggunaanya koma selain berisiko menghadapi kematian hanya dalam tempoh 20 jam selepas mengambilnya.

Penagih juga terdedah kepada risiko kematian berikutan pendarahan berterusan di beberapa organ penting dalam tubuh terutama pada otak.

Ketua Koordinator dan Klinikal Pusat Kecemasan dan Trauma, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Dr Abdul Ali Raja Mohamed, sebelum ini turut mengakui kesan lain yang bakal menimpa penagih ialah batuk berdarah, rosak paru-paru dan muntah.

Kesannya, dia berkata, boleh menyebabkan seseorang mengalami kencing berdarah berikutan kerosakan

pada buah pinggang serta bagi yang mengalami luka ringan pada tubuh akan meninggalkan darah dalam kulit.